

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 3/1979.**

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

PENGAMBILAN DAN PENGALIHAN PASIR PANTAL

Sebagaimana termaklum, permit bagi pengambilan dan pengalihan pasir pantal boleh dikeluarkan apabila dipohon dengan dikenakan bayaran mengikut yang ditentukan dalam Peraturan 20, Butir 54, Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

2. Oleh kerana sesuatu sebab yang tertentu, maka mulai daripada tarikh arahan ini dikeluarkan, semua Pemungut Hasil Tanah dalam Negeri ini adalah ditegah daripada mengeluarkan permit bagi mengambil dan mengalih pasir pantal. Walau bagaimanapun jika sekiranya sesuatu permit perlu dikeluarkan juga demi kepentingan sesuatu projek pembangunan di dalam Negeri ini maka sebelum permit dikeluarkan rujukan hendaklah terlebih dahulu dibuat kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu untuk mengetahui samada pihaknya ada apa-apa halangan atau tidak.

3. Pengambilan dan pengalihan pasir pantal bagi kegunaan Tolak Bara seperti yang dikecualikan bayarannya dalam Peraturan 20, Peraturan Tanah Terengganu itu tidaklah ditegah.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.
 (DATO' LELA JASA)
 Pengarah Tanah dan Galian,
 Terengganu.

Bil. (46) dlm. PTG.TR. 13/66/1 (SEM)

s.k.
 Yang Berhormat,
 Setiausaha Kerajaan,
 Terengganu.

Pengurus Besar,
 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri,
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 6hb. November, 1979.